



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 APRIL 2019 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|--------------------------------|-------|
| - Highland Towers tragedi 1993 | 13 |
| - Penguatkuasaan longgar? | 46-47 |
| - Ambil serius aduan awam | 46-47 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 APRIL 2019 (SELASA)

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Highland Towers tragedi 1993
Muka Surat	13

UTUSAN MALAYSIA SELASA 9 APRIL 2019 MUKA 13

SEMPENA ULANG TAHUN UTUSAN MELAYU KE-80

1939-2019
PERJUANGAN & PENGORBANAN

Highland Towers tragedi 1993

Oleh HASIF IDRIS 4M 9/4/19 M/S 13

TARIKH 11 Disember 1993 teraphat sebagai detik hitam kepada negara apabila berpuluh-puluh penghuni kondominium Highland Towers di lereng bukit dekat Hulu Kelang, Kuala Lumpur terperangkap setelah satu daripada tiga blok bangunan setinggi 12 tingkat itu tumbang kira-kira pukul 1.30 petang.

Mingguan Malaysia pada keesokannya, tampil dengan tajuk 'Kondominium runtuh: ramai terperangkap' melaporkan beberapa orang saksi memberitahu, hanya sebahagian kecil penghuni kondominium mewah di Taman Hillview itu sempat menyelamatkan diri kerana bangunan itu tumbang tidak sampai lima minit.

Lebih menyayat hati apabila operasi mencari dan menyelamat mangsa terperangkap yang memasuki hari kelapan berjaya menemukan seorang wanita yang sedang memeluk

erat al-Quran dan seorang lagi sedang mendakap anaknya. Insiden runtuh bangunan itu turut mengorbankan anak dan menantu bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, Allahyarham Carlos Rashid dan Allahyarham Rozita Abu Bakar. Mereka adalah antara 24

mayat mangsa tragedi yang ditemukan pada hari tersebut seperti dilaporkan *Utusan Malaysia* pada 20 Disember 1993.

Penginapan mewah yang mengandungi empat unit kediaman di setiap tingkat itu dipercayai runtuh akibat hakisan tanah di tempat letak kereta di tingkat bawah dan turut mendapat liputan meluas media tempatan dan antarabangsa kerana kejadian seumpama itu merupakan kali pertama berlaku di negara ini.

Gerakan mencari dan menyelamat mangsa di kondominium yang dibina sejak 1974 itu, turut mendapat bantuan

daripada Pasukan Penyelamat Perancis, Jepun dan Singapura.

Operasi itu dihentikan sepekan kemudian pada 22 Disember 1993 setelah pihak berkuasa berpuas hati tiada lagi harapan untuk menemukan mangsa lain yang terperangkap.

Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Ghazali Yaacob berkata, kerja-kerja itu yang dihentikan pada pukul 4.40 petang menemukan sebanyak 57 mayat dengan hanya 38 daripadanya dijumpai dalam keadaan sempurna.

Gerakan yang dijalankan sejak tragedi pada 11 Disember itu turut menemukan 16 cebisan anggota badan manusia dan jumlah mangsa itu termasuk seorang wanita Jepun yang cedera parah ketika dikeluarkan pada hari pertama, tetapi kemudian meninggal dunia di Hospital Kuala Lumpur.

Pencarian itu dihentikan setelah pasukan penyelamat sehingga tengah hari menjalankan kerja-kerja pembersihan dan mengorek dari bahagian belakang ke depan dan diulang semula tetapi hasilnya negatif.

"Mula-mula kami menjangka masih ada mangsa yang ter

timbus di bahagian belakang, tetapi setelah menggali di sekitarnya tiada mangsa ditemui," jelasnya.

Keputusan itu juga dibuat setelah mendapat persetujuan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet.

Susulan tragedi itu, Anwar mengumumkan beberapa pindaan undang-undang dilakukan membabitkan banyak Kementerian seperti Akta Pemuliharaan Tanah 1960 bagi membolehkan pengawalan aktiviti pembangunan secara keseluruhan di kawasan bukit termasuk pembinaan bangunan.

Selain itu, kerajaan bersetuju menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Tanah 1960 harus dibuat oleh semua negeri supaya tanah bukit diisytiharkan secara selektif sebagai tanah bagi tujuan pemuliharaan.

Anwar malah memberitahu, pindaan juga akan dibuat kepada Perancangan Bandar dan Desa 1976, antara lain untuk memastikan pemuliharaan dan penanaman pokok, pemuliharaan keadaan asal topografi tanah dan penyediaan Laporan Penilaian Perancangan oleh pemuja bagi keseluruhan kawasan yang akan dibangunkan.

Sesungguhnya, tragedi Highland Towers adalah pengajaran mahal bahawa pembangunan yang tidak mengikut peraturan pembinaan, boleh berakhir dengan bencana.

OPERASI mencari dan menyelamat mangsa yang tertimbus dalam tragedi runtuh Kondominium Highland Towers giat dijalankan pada 11 Disember 1993 di Taman Hillview, Hulu Kelang, Kuala Lumpur.

PERSEMBAHAN Perancis sokan lama mangsa terperangkap

Sudah tiada harapan

Sungguh mengharukan

MOMEN & MEMORI

UBAT batuk cap Kaki Tiga tampil dengan ayat promosi 'batuk berhenti segera' disiaran di *Utusan Malaysia* pada 8 Mac 1971. Iklan itu mendakwa produk itu 'diformulas khas untuk menghentikan batuk-batuk, sakit kerongkong, semput, sesesema, lelah dan penyakit lain'.

Sumber: Pusat Maklumat Utusan



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 APRIL 2019 (SELASA)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Penguatkuasaan longgar?
Muka Surat	46-47

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
 Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Masih ramai ingkar larangan merokok Penguatkuasaan longgar?



ARAHAN larangan merokok di tempat makan masih tidak dipatuhi orang ramai disebabkan penguatkuasaan masih longgar. - UTUSAN/ZULHILMI ZAINI



Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
 utusankota@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 APRIL

PELAKSANAAN larangan merokok oleh kerajaan di tempat-tempat makan memasuki bulan ketiga.

Bagaimanapun tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa gerai makan sekitar Cheras antaranya Bandar Sri Permaisuri dan Taman Tenaga mendapati masih ada yang mengingkari larangan

UTUSAN MALAYSIA • SELASA 09 APRIL 2019



PAPAN tanda larangan merokok tidak diendahkan perokok tegar.

4M 9/4/19 N/S 46-47

tersebut.

Malah penetapan mereka hanya boleh menghisap rokok pada jarak tiga meter dari kawasan restoran dan tempat makan juga tidak dipatuhi.

Papan tanda larangan merokok yang dipasang di gerai makan juga tidak dihiraukan.

Berdasarkan pemerhatian, gerai yang berada agak jauh dari kawasan pusat bandar raya menjadi sasaran perokok tegar untuk bebas merokok di tempat-tempat terbuka seperti sebelumnya.

Berbeza dengan premis-premis berada di kawasan tumpuan ramai, notis papan tanda dilarang merokok dan kamera litar tertutup yang dipasang di tempat itu dilihat berjaya mendidik perokok agar mematuhi larangan tersebut.

Rata-rata orang awam yang ditemui tidak menolak faktor utama ke-longgaran penguatkuasaan undang-undang oleh pihak berkuasa termasuk

Penetapan mereka hanya boleh menghisap rokok pada jarak tiga meter dari kawasan restoran dan tempat makan juga tidak dipatuhi.

Kementerian Kesihatan terhadap si pelaku antara punca situasi itu terus berlaku.

Mereka juga berpondakan, tempoh tiga bulan juga terlalu singkat untuk melihat keberkesanan larangan tersebut kerana untuk mengubah tabiat dan membendung budaya merokok seseorang bukan sesuatu yang mudah dan memerlukan masa.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 APRIL 2019 (SELASA)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Ambil serius aduan awam
Muka Surat	46-47

Ambil serius aduan awam ^{4m 9/4/19} ^{M/S 46-47}

PETALING JAYA 8 April - "Saya akan mengambil maklum dan memandang serius setiap aduan awam kerana saya berada di sini untuk memberikan perkhidmatan terutama kepada golongan pembayar cukai di kawasan Petaling Jaya."

Itu antara janji yang dilafazkan oleh Datuk Mohd. Sayuthi Abu Bakar sebaik dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya baharu berkuat kuasa pada 4 April lalu.

Mohd. Sayuthi berkata, tugas penting lain adalah meneruskan

agenda membangunkan Petaling Jaya sebagai bandar pintar selain melihat ruang-ruang penambahbaikan dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Antara keutamaan saya ialah memastikan setiap bahagian di



MOHD. SAYUTHI BAKAR (duduk tengah) bersama pegawai jabatan-jabatan dan Ahli Majlis MBPJ dalam Majlis Perakuan Penerimaan Jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya di Ibu Pejabat MBPJ, Selangor baru-baru ini. - UTUSAN/FARID JANUDIN

kawasan perbandaran termasuk di lokasi perumahan dan pusat komersial berada dalam keadaan bersih," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Perakuan Penerimaan Jawatan Datuk Bandar Petaling Jaya di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini.

Menurut Mohd. Sayuthi, beliau yakin pengalamannya sewaktu berkhidmat dengan empat pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam tempoh lapan tahun yang lalu iaitu di Selayang, Subang Jaya, Sepang dan Kajang dapat membantu menyelesaikan permasalahan rakyat.

Katanya, beliau juga yakin akan dapat bekerja dengan barisan ahli majlis dan pegawai-pegawai MBPJ yang sedia ada dan berpengalaman.

"Saya berjanji untuk memberikan perkhidmatan terbaik dalam segenap aspek," katanya.

Pelantikan beliau sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya kelima itu menggantikan Datuk Mohd. Azizi Mohd. Zain yang tamat tempoh perkhidmatan pada 31 Mac lalu.

Mohd. Sayuthi, 49, yang berpengalaman selama 25 tahun dalam pelbagai agensi kerajaan akan menjawat jawatan tertinggi PBT itu untuk tempoh selama dua tahun secara pinjaman.

Bekas Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang yang berasal dari Kedah itu memegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Asia Tenggara dari Universiti Malaya dan Sarjana Teknologi Maklumat dari Universiti Kebangsaan Malaysia.